

29/08/2001

Industri ternakan mampu bersaing

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Selasa - Industri ternakan haiwan negara kini mampu bersaing di pasaran antarabangsa, kata Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi.

Beliau berkata, ini diakui syarikat antarabangsa yang menyertai ekspo ternakan terbesar di Malaysia, Livestock Asia 2001, di Pusat Pameran Mines, Seri Kembangan dekat sini.

Katanya, industri ternakan haiwan di Malaysia, terutama ayam, kini semakin moden dan berkembang pantas.

"Syarikat antarabangsa yakin industri ternakan negara mempunyai peluang cerah kerana mendapati kebanyakan peserta industri negara ini rancak memodenkan operasi masing-masing.

"Mereka sedar industri ternakan kita juga meletakkan harapan untuk bersaing dengan syarikat negara lain di pasaran antarabangsa.

"Oleh itu, ia adalah satu petanda baik kerana peserta industri ternakan negara sudah menyedari penggunaan teknologi terkini penting bagi menghasilkan produk berkualiti dan higienik untuk bersaing di arena antarabangsa," katanya selepas melawat ekspo berkenaan, hari ini.

Turut sama, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz; Pengerusi Eksekutif AMB Exhibitions Sdn Bhd, Tan Sri Dr Ahmad Mustafa Babjee dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH), Datuk Mohd Nordin Mohd Noor.

Ekspo anjuran JPH selama empat hari bermula semalam itu menampilkan lebih 120 peserta dari 16 negara yang mempamerkan teknologi, perkhidmatan dan produk terbaru khusus bagi memenuhi keperluan industri ternakan.

Ekspo itu juga diadakan sempena kongres ke-13 Persatuan Veterinari Malaysia.

Sementara itu, Nazri berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk menghasilkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam industri ternakan haiwan.

"Kementerian kami mempunyai dana untuk membantu mereka yang terbabit bukan saja dalam bidang ternakan haiwan tetapi juga pertanian, perikanan dan sebagainya," katanya.

Mengenai gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua agensi dan kementerian membelanjakan sepenuhnya peruntukan tambahan di bawah pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Mac lalu, Nazri berkata, sehingga bulan ini, kementerianya sudah menggunakan 30 peratus daripada peruntukan yang disediakan.

Beliau berkata, peratusan berkenaan adalah normal kerana kebanyakan peruntukan akan dihabiskan menjelang akhir tahun.

(END)